

# Bahasa: Sikap PM

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak ingin melihat bahasa kebangsaan dicampuradukkan hingga melahirkan 'bahasa luar nikah'.

Beliau menjelaskan, penggunaan bahasa Cina, Inggeris dan Tamil di Rangkaian Hijau, Biru dan Merah Radio Malaysia adalah untuk mengelakkan bahasa kebangsaan dicampuradukkan dengan bahasa-bahasa lain.

Katanya, langkah tersebut diambil setelah difikirkan secara mendalam demi memelihara kemurnian Bahasa Malaysia itu sendiri selaras dengan

kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan negara ini.

Menggulung perbualan di hari ketiga Perhimpunan Agung UMNO di sini, Datuk Seri Dr. Mahathir mensifatkan bahasa kebangsaan yang didaulatkan itu setelah dicampuradukkan dengan bahasa-bahasa lain tidak ubah seperti 'cerca merba'.

## Rakaman

"Siapakah di antara perwakilan yang mengikuti rangkaian hijau Radio Malaysia?", tanya Perdana Menteri tanpa seorang pun mengangkat tangan.

Dengan memiainkan pita rakaman satu ran-

cangan hiburan di rangkaian hijau, Datuk Seri Dr. Mahathir bertanya siapakah antara perwakilan yang faham apa yang disampaikan oleh juruhebah tersebut.

Dalam pita rakaman tersebut, jelas didengar, Bahasa Malaysia dicampuradukkan dengan bahasa Cina di mana penggunaannya diselang-selikan.

Dewan gamat dengan gelak ketawa apabila Datuk Seri Dr. Mahathir cuba mengikut apa yang dikatakan oleh 'bahasa baru' yang didengarnya itu.

Dewan bertambah gamat apabila Datuk Seri Dr. Mahathir diminta oleh seorang perwakilan supaya mengulangnya sekali lagi.

Perdana Menteri menyoal, "bahasa apakah yang digunakan itu? Adakah itu bahasa kebangsaan yang diperjuangkan selama ini".

"Bukan, bukan," teriak para perwakilan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak sanggup melihat bahasa kebangsaan dijadikan begitu rupa. Itulah sebabnya penukaran terpaksa dibuat.

## Diganggu

Bagaimanapun, setiap permulaan dan penutup sesuatu rancangan mesti disampaikan dalam Bahasa Malaysia.

"Saya juga dulu berjuang ke arah penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia dan menulis

rencana mengenai bahasa kebangsaan dalam tahun 1947. Takkanlah saya sanggup melihat bahasa kebangsaan menjadi hancur dan tidak boleh difahami," ujarnya tegas.

Penjelasan Datuk Seri Dr. Mahathir telah melegakan perasaan para perwakilan setelah isu bahasa di RTM itu hangat diperbincangkan.

Terdahulu dari itu, Menteri Penerangan, Encik Mohd. Adib Haji Adam tidak dapat mengulung dengan lengkap mengenai isu bahasa itu kerana diganggu oleh para perwakilan.

Beliau terpaksa mengambil tempat duduknya semula setelah para perwakilan tidak

bersetuju dengan apa yang diperkatakan meskipun beliau belum sempat mencapai maksud.

"Tak boleh, tak boleh," kata para perwakilan apabila Encik Mohd. Adib cuba menjelaskan kedudukan mengenai bahasa di RTM itu.

Encik Adib berkata, penggunaan bahasa Cina, Inggeris dan Tamil di tiga rangkaian hijau, biru dan merah adalah untuk memastikan seluruh rakyat memahaminya dan menerima mesej yang cuba disampaikan.

Katanya, langkah tersebut untuk mengelakkan sebahagian rakyat menjadi warganegara tetapi mempunyai pemikiran

dan corak hidup yang terpengaruh oleh negara asing.

Beliau juga menjelaskan, bahawa gelombang yang diterima dari negara jiran juga adalah lebih kuat dan berjaya menarik pendengar-pendengar dari negara ini sedang gelombang yang diterima di negara ini adalah gelombang sederhana dan pendek.

Beliau mensifatkan, penukaran bahasa itu sebagai undur setapak tetapi untuk maju dua tapak agar hasrat kerajaan benar-benar berhasil.

Beliau juga berkata, penggunaan Bahasa Malaysia di rangkaian-rangkaian tersebut selama ini pun tidak sampai 10 peratus.